



BANGUNAN CANSELORI



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
 جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
 ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Pusat Perkembangan Strategik dan Hubungan Korporat  
 Universiti Sains Islam Malaysia  
 Bandar Baru Nilai  
 71800 Nilai, Negeri Sembilan  
 Tel : 06-7988028 / 8026 Faks : 06-7988041  
 Email : pro@usim.edu.my

## PENGAJIAN TAMHIDI:

### USIM Pilihan Pelajar Cemerlang

Pusat Tamhidi ditubuhkan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mulai sesi akademik 2004/2005 untuk menyediakan para pelajar bagi kemasukan ke tahun pertama pelbagai program Ijazah Sarjana Muda USIM. Tempoh masa pengajian Program Tamhidi adalah selama satu tahun atau dua semester.

Pelajar baru Program Tamhidi USIM mula mendaftar pada 31 Mei 2008 dan diikuti dengan Program Minggu Taaruf sesi 2008/2009 yang dijalankan selama 2 hari mulai 31 Mei 2008 hingga 1 Jun 2008. Program Minggu Taaruf ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar-pelajar baru kepada kehidupan kampus selain untuk mengenalkan pelajar kepada Universiti. Pelbagai program-program menarik telah disusun sempena Minggu Taaruf selama 2 hari oleh bahagian Hal-ehwal Pelajar USIM yang menerima 310 orang pelajar baru Pusat Tamhidi bagi sesi pengajian 2008/2009. Semua pelajar ini telah memilih USIM sebagai pilihan pertama. Ramai daripada mereka telah memperolehi minimum 9A dalam keputusan SPM. Para pelajar diberi taklimat mengenai USIM selain diberi peluang untuk beramah mesra dengan pengetua kolej kediaman. Pengisian Minggu Taaruf pelajar Tamhidi ini lebih bermakna apabila pelajar diberi peluang untuk bertemu dengan Naib Canselor USIM iaitu Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin. Pelajar baru Tamhidi telah menyatakan kesungguhan untuk mengikuti pengajian di USIM dengan melafazkan ikrar sebagai pelajar baru program Tamhidi. Lafaz ikrar diketuai oleh sandara Mohd Nurishaq Mohd Fauzi, pelajar Tamhidi Perubatan pada 3 Mei 2008.



Penyerlahan bakat pelajar baru

Malam Apresiasi Seni Budaya yang diadakan pada 1 Jun 2008 merupakan medan bagi mencungkil bakat seni yang ada di dalam diri pelajar di mana pada malam itu pelajar diminta membuat persembahan kebudayaan. Menariknya di sini, pelajar-pelajar tersebut hanya diberi masa selama satu setengah jam di sebelah petang untuk memikirkan corak persembahan dan mengadakan latihan sebelum menjayakan persembahan pada malam harinya. Pelajar-pelajar ini telah menunjukkan bakat yang mengagumkan apabila telah mengadakan persembahan bertenaga seperti nyanyian, nasyid, bacaan puisi dan sketsa meskipun hanya diberi masa yang singkat.

Beberapa pelajar yang ditemubual telah menyatakan kegembiraan terpilih untuk mengikuti program Tamhidi di USIM. Bagi Ainur Yusra Nabila, pelajar Tamhidi Syariah dan Undang-undang memberitahu bahawa beliau berasa sungguh gembira kerana hasrat untuk memasuki Universiti telah tercapai dan berharap apabila keluar dari USIM nanti, beliau akan menjadi orang yang berguna dan dapat membantu masyarakat, bangsa dan Negara. Manakala, Muhamad Amin Mukhtar, pelajar Tamhidi Perubatan berkata beliau berasa bangga, gembira dan seronok kerana berjaya mendapat tempat di USIM dan berharap cita-cita beliau akan tercapai dan menjadi orang yang berguna kelak.

Pelajar Tamhidi Sains dan Teknologi, Mohd Azri Mastuki berkata beliau sangat gembira kerana terpilih belajar di USIM dan berharap menjadi pendakwah yang baik serta menjadi contoh kepada masyarakat. Begitu juga dengan Nur Afifah Suhaimi, pelajar Tamhidi Perakaunan dan Muamalat yang melahirkan kesyukuran, gembira dan bangga kerana terpilih memasuki USIM kerana beliau merupakan orang yang pertama dalam ahli keluarga beliau yang dapat menjejakkan kaki ke Universiti dan menjadi contoh kepada adik-adik beliau yang lain. Beliau juga menyatakan kegembiraan dapat melanjutkan pelajaran di USIM kerana bagi beliau USIM merupakan Universiti yang lebih menjurus kepada keagamaan.

Bagi sesi pengajian 2008/2009, USIM menawarkan lima program Tamhidi yang menjuruskan kepada program Sarjana Muda seperti berikut:-

- (i) Tamhidi Perubatan
  - Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri
- (ii) Tamhidi Sains dan Teknologi
  - Sarjana Muda Sains dengan Keupujian (Bioteknologi Makanan)
  - Sarjana Muda Sains dengan Keupujian (Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko)
  - Sarjana Muda Sains Komputer dengan Keupujian (Keselamatan dan Jaminan Maklumat)

- Sarjana Muda Sains dengan Keupujian (Matematik Kewangan)
  - Sarjana Muda Sains dengan Keupujian (Fizik Gunaan)
  - Sarjana Muda Sains dengan Keupujian (Teknologi Kimia Industri)
- (iii) Tamhidi Syariah dan Undang-undang
    - Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang dengan Keupujian
    - Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa dengan Keupujian
  - (iv) Tamhidi Perakaunan dan Muamalat
    - Sarjana Muda Perakaunan dengan Keupujian
    - Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Keupujian
    - Sarjana Muda Pentadbiran Korporat dan Hubungan dengan Keupujian
    - Sarjana Muda Pemasaran Perkhidmatan Kewangan dengan Keupujian
  - (v) Tamhidi Pergigian
    - Sarjana Muda Pembedahan Pergigian

Mulai sesi pengajian 2008/2009 juga, Pusat Tamhidi telah memperkenalkan Program Khas Antarabangsa yang antara lainnya bertujuan untuk memberi peluang kepada calon-calon pelajar bukan warganegara atau antarabangsa memahami serta mengamali bahasa Arab dan bahasa Inggeris.



Bacaan ikrar pelajar baru Program Tamhidi yang diketuai oleh Mohd Nurishaq Mohd Fauzi, pelajar Tamhidi Perubatan

Bagi kumpulan pertama terdapat 25 orang pelajar China Muslim dari China yang mengikuti program ini. Ia juga memberi ruang persiapan kepada calon-calon pelajar bukan warganegara atau antarabangsa untuk menguasai kedua-dua bahasa ini serta kursus-kursus asas yang lain sebelum meneruskan pengajian di peringkat Sarjana Muda di USIM. Selepas mengikuti program khas ini, para pelajar berpeluang untuk memilih mengikuti pengajian peringkat Sarjana Muda di USIM seperti Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Keupujian, Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi dengan Keupujian, Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam dengan Keupujian atau Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Keupujian.

Untuk mengetahui maklumat lanjut mengenai program Tamhidi, sila hubungi:

### PENGARAH PUSAT TAMHIDI

Universiti Sains Islam Malaysia  
 Bandar Baru Nilai  
 71800 Nilai, Negeri Sembilan  
 Tel : 06-7987019

[www.usim.edu.my](http://www.usim.edu.my)